

# Bapa didakwa rogol anak OKU

Sinar 21/7/12 MS 20

**KLANG** – Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga tuduhan merogol anak kandungnya yang orang kurang upaya (OKU) berusia 24 tahun, Jun lalu.

Lelaki berusia 43 tahun itu yang bekerja sebagai pencari udang mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Nor Sharidah Awang.

Bagi tuduhan pertama, dia didakwa merogol anaknya di tepi parit Jalan Saring

Tebuk Jawa, Sabak Bernam di sini, pada awal Jun lalu.

Dia didakwa mengulangi perbuatan sama kira-kira jam 2 petang di rumahnya di Sabak Bernam, pada pertengahan Jun lalu.

Pendakwaan rogol dibuat mengikut Seksyen 376 (2) (a) Kanun Keseksan manakala pertuduhan seks oral mengikut Seksyen 377C Kanun sama.

Kedua-dua seksyen itu memperuntukkan hukum-

an penjara maksimum 20 tahun dan boleh disebat, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Aimi Syazwani Sarmin memohon mahkamah untuk tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh atas alasan keselamatan mangsa kerana mereka tinggal serumah.

Mahkamah membenarkan permohonan itu dan menetapkan 4 September depan untuk sebutan semula kes.